

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JKE 311 – Mikroekonomi 2**

Masa : [ 3 jam ]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan. Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.

Serahkan keseluruhan kertas jawapan ini KEPADA KETUA PENGAWAS.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Oligopoli merupakan suatu struktur yang mempunyai banyak model.
  - (a) Bincang dan ilustrasikan rajah yang sesuai bagaimana ketegaran dan kestabilan harga dan kuantiti di dalam pasaran ini terus wujud dengan mengambil contoh model Sweezy.  
(10 markah)
  - (b) Nyatakan kelemahan model Cournot dan model Edgeworth  
(5 markah)
  - (c) Bincangkan bagaimana harga dan kuantiti ditentukan di dalam pasaran oligopoli berpakat dengan mengambilkira contoh pimpinan harga oleh firma berkos paling rendah. (Ilustrasikan rajah yang sesuai)  
(10 markah)
  
2. Andaikan pengeluar berhadapan dengan DUA faktor pengeluaran L & K (L ialah buruh dan K ialah modal).
  - (a) Takrifkan :
    - (i) Kesan penggantian
    - (ii) Kesan output  
(6 markah)
  - (b) Bincangkan kesan penggantian dan kesan output sekiranya pengeluar berhadapan dengan kejatuhan harga input buruh (L) (Ilustrasikan rajah yang sesuai).  
(8 markah)
  - (c) (i) Takrifkan sewa ekonomi  
(3 markah)  
(ii) Dengan menggunakan contoh dan rajah yang sesuai bincangkan konsep sewa ekonomi.  
(8 markah)

3. (a) Sesuatu dasar kerajaan akan diterima sekiranya ia memenuhi prasyarat kriterianya. Nyatakan prasyarat bagi setiap kriteria di bawah.

- (i) Kriteria Pareto
- (ii) Kriteria Hicks-Kaldor
- (iii) Kriteria Bergson

(6 markah)

- (b) Berdasarkan ketiga-tiga kriteria tersebut bincangkan masalah di bawah;

Negara X terdiri daripada 45 peratus penanam padi dan 55 peratus pengguna golongan miskin. Harga (P) yang ditetapkan oleh kuasa pasaran bebas dianggap sebagai terlalu rendah. Kerajaan berhasrat menetapkan harga minimum yang lebih terjamin. Berdasarkan ketiga-tiga kriteria dalam (a) di atas nilaikan sama ada dasar harga minimum ini memberikan kebaikan kepada masyarakat. (Ilustrasikan rajah yang sesuai).

(8 markah)

- (c) Menurut Kenneth Arrow persetujuan masyarakat tidak akan dicapai di dalam sistem demokrasi yang mengamalkan pilihan bebas.

Alternatif			
Anggota	A	B	C
I	2	1	3
II	1	3	2
III	3	2	1

- (i) Berdasarkan jadual di atas tunjuk dan tentukan pilihan majoriti masyarakat.

(8 markah)

- (ii) Nyatakan penemuan anda bagi bahagian (i) di atas.

(3 markah)

4. Kewujudan kegagalan pasaran menyebabkan ekonomi tidak berada di dalam keseimbangan.

(a) Takrifkan :

- (i) Kegagalan pasaran.
- (ii) Kesan luaran positif
- (iii) Kesan luaran negatif

(9 markah)

(b) Dengan menggunakan contoh dan rajah yang sesuai bincangkan;

- (i) Kesan luaran positif di dalam penggunaan dan kaedah penyelesaian bagi kegagalan pasaran ini.

(8 markah)

- (ii) Pengeluaran barangan awam yang tidak optimum dan kaedah penyelesaian bagi kegagalan pasaran ini.

(8 markah)